

KERATAN AKHBAR BULAN NOVEMBER 2020
UTUSAN MALAYSIA

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN NOVEMBER 2020

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	05.11.2020	Petronas agih RM10b dividen tambahan – Dana bagi kerajaan perang covid-19	4
2.	06.11.2020	Hutang negara meningkat – Jumlah RM792.90 bilion pada 2019 berbanding RM741 bilion 2018	5
3.	07.11.2020	Koperal ditahan cuba seludup migran	6
4.	08.11.2020	Dana filem: lebih RM30j diseleweng	7
5.	12.11.2020	Bekal nombor pelanggan kepada sindiket perjudian	7
6.	13.11.2020	Sindiket tipu sms : SPRM tahan 2 lagi individu	8
7.	13.11.2020	Menitis air mata dituduh makan rasuah	9
8.	15.11.2020	Profesor direman siasatan kes rasuah	10
9.	16.11.2020	Sindiket tipu sms : Enam disambung reman	11
10.	17.11.2020	Program susu buka ruang rasuah – Maszlee Malik	11
11.	18.11.2020	200,000 warga asing bolos – RM5,000 hingga RM20,000 sehari bayar kepada pegawai Imigresen	12
12.	18.11.2020	Statistik jumlah pegawai imigresen dan orang awam yang direman – RM200,000 warga asing bolos	13
13.	18.11.2020	44 direman kes salah guna cap masuk	14
14.	18.11.2020	Tiada kompromi pegawai salah guna kuasa	15
15.	18.11.2020	Bekas pemain import NS mengaku tipu invois	15
16.	22.11.2020	Kakitangan imigresen turut terlibat pelacuran, perdagangan manusia	16
17.	22.11.2020	Wajib isytihar harta, pasang kamera badan	17
18.	23.11.2020	Anggota rendah Imigresen mewah tak sepadan gaji	18
19.	24.11.2020	Suami isteri pecah amanah RM140 juta	19
20.	24.11.2020	Staf Imigresen ada rekod curi kereta	20
21.	24.11.2020	‘Penyakit’ lama belum sembuh	21
22.	25.11.2020	Bekas CEO, isteri didakwa – Pecah amanah, buat 11 tuntutan RM145.4 juta	22
23.	26.11.2020	RM1.6 juta dilarikan polis	23

KERATAN AKHBAR BULAN NOVEMBER 2020
UTUSAN MALAYSIA

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
24.	27.11.2020	SWF Indonesia bukan seperti 1MDB	24
25.	27.11.2020	RPM, PPM serah semua dokumen	25
26.	28.11.2020	Bekas pegawai DBKL menangis, sujud syukur	25
27.	29.11.2020	Dahlah curi data, pelanggan pun 'disapu'	26
28.	27.11.2020	GRO asing lolos – dibantu anggota Imigresen – Buka 10 kaunter di KLIA, KLIA2	27
29.	27.11.2020	Imigresen bawa masuk GRO	27

Ekonomi

↑ KUALA LUMPUR
(Indeks Komposit)
(+4.05) mata
1,465.50

↑ SINGAPURA
(Straits Times)
(+18.76) mata
2,515.98

↑ TOKYO
Nikkei
(+399.75) mata
23,295.23

↑ NEW YORK
Dow Jones
(+554.98) mata
27,480.03

Dana bagi kerajaan perang Covid-19

Petronas agih RM10b dividen tambahan

Oleh AFIQ MOHD. SHAH
afiqsyahmi.shah@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Petroleum Nasional Berhad (Petronas) dilaporkan telah meluluskan agihan pembayaran dividen tambahan berjumlah AS\$2.4 bilion (RM10 bilion) kepada kerajaan bagi memerangi penularan pandemik Covid-19.

Pembayaran dividen tambahan itu hadir sehari selepas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dilaporkan berkata, syarikat minyak dan gas nasional itu akan menyerahkan RM34 bilion dividen kepada kerajaan Persekutuan tahun ini.

Menurut laporan *Reuters*, Petronas yang mengalami kerugian sebanyak RM21 bilion pada suku kedua tahun ini, pada awalnya berjanji untuk membayar RM24 bilion dan mengatakan sebarang penambahan dana bergantung kepada kemampuannya.

Petronas memberitahu telah menyatakan persetujuan pembayaran dividen tambahan itu yang akan disalurkan menjelang penghujung November ini bagi menghadapi cabaran Covid-19 yang tidak pernah terjadi

“Syarikat minyak dan gas nasional itu akan menyerahkan RM34 bilion dividen kepada kerajaan Persekutuan tahun ini.”

MUSTAPA MOHAMED

sebelum ini.

Tambah Petronas, syarikat itu juga telah membayar sepenuhnya jumlah yang dijanjikan sebelum ini.

“Dalam menentukan sama ada dividen tambahan ini mencukupi, Lembaga Pengarah Petronas sendiri yakin bahawa syarikat itu dapat membiayai operasinya dengan selesa, membayar hutang dan memenuhi kewajipannya di samping melabur dalam pertumbuhan masa hadapan.

“Petronas tetap tegas dalam usaha mengekalkan aliran tunai dan mengukuhkan daya

tahan kewangan selama ini,” katanya dalam laporan itu.

Sumber Petronas ketika dihubungi *Utusan Malaysia* enggan memberi sebarang ulasan berhubung laporan itu.

Pengumuman bayaran dividen tambahan itu keluar dalam tempoh kerajaan sedang bersiap sedia membentangkan Belanjawan 2021 yang bertujuan mengurangkan impak ekonomi akibat Covid-19, Jumaat ini.

Mustapa dalam jawapan bertulis ketika sesi Dewan Rakyat kelmarin memberitahu, Petronas akan membayar dividen sebanyak RM34 bilion kepada kerajaan tahun ini meskipun mencatatkan kerugian pada suku kedua tahun ini.

Beliau berkata, sejak penubuhannya pada 1974, Petronas telah membayar RM488 bilion kepada kerajaan dalam bentuk dividen.

Ahli Parlimen Jeli itu menjawab soalan Pang Hok Liong (PH-Labis) yang ingin tahu sama ada Petronas akan tetap memberi dividen kepada kerajaan tahun ini setelah mencatatkan kerugian RM21 bilion pada suku kedua berakhir 30 Jun 2020.



UTUSAN MALAYSIA/6 NOVEMBER 2020/M.S.:4

Jumlah RM792.9 bilion pada 2019 berbanding RM741 bilion 2018

Hutang negara meningkat

Oleh MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Jumlah hutang kerajaan pada tahun lalu dicatatkan RM792.9 bilion berbanding RM741 bilion pada 2018.



WONG
KAH
WOH

Perkara tersebut dimaklumkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2019 yang dibentangkan Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di Parlimen semalam.

Pengerusi PAC, Wong Kah Woh berkata, nisbah hutang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berada pada paras 52.5 peratus berbanding 51.2 peratus pada tahun 2018.

“Sebanyak 59.9 peratus atau RM82.7 bilion daripada jumlah Terimaan Pinjaman Baharu berjumlah RM138.5 bilion, digunakan untuk bayaran prinsipal pinjaman dalam negeri (hutang matang).

“Jumlah liabiliti sebanyak RM1.08 trilion atau bersamaan 71.5 peratus ni-

sbah liabiliti kepada KDNK. Hanya 29.7 peratus atau RM41.1 bilion digunakan untuk tujuan perbelanjaan pembangunan. Situasi sebegini haruslah diperbaiki,” kata beliau dalam sidang akhbar di Parlimen semalam.

Dalam pada itu, Kah Woh berkata, terdapat beberapa perkara perlu diberikan perhatian termasuk peruntukan pembangunan dan peruntukan mengurus yang disalurkan dalam bentuk geran kepada 11 syarikat semuanya bernilai RM3.942 bilion.

Katanya, penggunaan wang tersebut tidak mencerminkan tatacara perakaunan dari segi audit walaupun tidak melanggar Seksyen 8 Akta Pinjaman 1972.

“Jika kerajaan mahu menyalurkan wang kepada syarikat milik kerajaan untuk membayar pinjaman, ia seharusnya direkodkan sebagai pendahulu atau pinjaman yang boleh dituntut.

“Ketua Audit Negara juga menekankan perhatian kepada

isu pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) yang melibatkan kepincangan perakaunan dari segi audit seperti dinyatakan,” jelasnya.

Antara 11 syarikat tersebut ialah Danainfra Nasional Berhad (RM1.5 bilion); Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (RM327 juta); KL International Airport Berhad (RM82 juta), TRX City Sdn. Bhd. (RM66 juta), MKD Kenca-na Sdn. Bhd. (RM50 juta), Suria Strategik Energy Resources Sdn. Bhd. (RM1 bilion) dan SRC International Sdn Bhd (RM388 juta).

Dalam pada itu, Nik Azman berkata, beliau bimbang selepas hanya 29 peratus atau RM 41.1 bilion digunakan untuk perbelanjaan pembangunan.

“Perbelajaan pembangunan perlu digunakan secara produktif untuk memberi kesan bagi menjana dan menda-tangkan hasil kepada ekonomi.

“Apabila ekonomi aktif kerajaan dapat hasil melalui cukai dan seterusnya membayar balik faedah,” jelasnya.

Utusan Malaysia | 7 November 2020 | Page: 32

Koperal ditahan cuba seludup migran

PETALING JAYA: Tindakan seorang koperal cuba menyeludup pendatang asing tanpa izin (PATI) di Kampung Lindungan dekat sini semalam gagal apabila dia ditahan sepasukan anggota polis.

Penahanan itu dilakukan oleh sepasukan polis Petaling Jaya yang sedang melakukan pematuan pematuhan dan Op Samun kira-kira pukul 6 pagi sebelum menahan kenderaan pelbagai guna (MPV) yang dipandu suspek.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Nik Ezanee Mohd Faisal berkata, pemeriksaan di dalam MPV terbabit mendapati lima penumpang warga asing termasuk tiga wanita berusia lingkungan 31 hingga 48 tahun yang tidak mempunyai dokumen perjalanan sah.

Ujarnya, bertindak atas maklumat, suspek kemudiannya membawa pihaknya ke sebuah rumah di Kampung Lindungan kira-kira pukul 6.30 pagi sebelum menahan dua lagi warga asing termasuk seorang wanita.

Utusan Malaysia | 8 November 2020 | Page: 1 & 4

Dana filem: Lebih RM30j diseleweng

Oleh ROSHIHAN ANNUAR YUB
dan FAHMI FAIZ
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Lebih RM30 juta dana kerajaan diseleweng oleh segelintir pemain industri filem sejak 2015.

Dana Kandungan Digital (DKD) yang diumumkan dalam pembentangan Bajet 2015 itu pada awalnya disalurkan kerajaan kepada pemain industri sebagai penggerak untuk mereka menghasilkan filem-filem bertemakan kenegaraan.

Namun begitu, 44 syarikat yang menerima dana tersebut gagal menyiapkan filem seperti yang dipersetujui.

Berikutan itu, Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (Finas), Zakaria Abdul Hamid mendedahkan kepada *Mingguan Malaysia*, pihaknya kini sedang berusaha berunding dengan syarikat-syarikat tersebut bagi menuntut semula dana berkenaan.

Bersambung di muka 4

Dana filem: Lebih RM30 juta diseleweng

Dari muka 1

"Dana itu, Finas beri untuk galakkan penerbitan filem yang mengangkat nilai serta tema kenegaraan, namun kita menanggung kerugian RM32 juta. Ada 44 syarikat yang gagal siapkan filem melalui dana tersebut. Yang ini bermula daripada Dana Kandungan Digital (DKD), yang diperkenalkan pada 2015," katanya kepada *Mingguan Malaysia*, baru-baru ini.

Menurut beliau, pihaknya sedang berusaha untuk mendapatkan kembali wang yang disalurkan itu.

"Tapi masalahnya apabila melibatkan dana kerajaan ini, macam itu lah, ding dong ding dong lah," katanya. Beliau menambah, masalah timbul apabila segelintir mengisytiharkan syarikat mereka mufis dan ini menyukarkan tindakan susulan diambil.

"Kita dah ada peguam, dah

mula bincang semula, tapi itulah, bila kita usaha nak dapatkan kembali wang, ada syarikat yang dah mufis. Mereka pun pandai, bila dah buat masalah, dibukanya pula syarikat lain," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, faktor mendorong kegiatan penyelewengan itu, akibat amalan penyaluran dana yang tidak telus diamalkan pihak tertentu dalam Finas.

Hal ini, katanya mengakibatkan Finas berada di bawah radar

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Sebab itulah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selalu masuk sini. Adalah cara-cara pemberian yang tak telus dan sebagainya," katanya.

Justeru katanya, kini pihak pengurusan Finas mengamalkan sistem penyaluran dana yang lebih telus, demi mengelakkan sebarang kegiatan penyelewengan berlaku.

"Setakat yang saya ada di sini, kita memang telus. Kita jelas, sebab itu siapa yang dapat dana penerbitan Finas, kita buat pengumuman, siap buat majlis lagi."

"Maka, pada masa akan datang kita akan perkasakan lagi. Sekarang ada 50 lagi penerbit yang kita nak beri surat tawaran, untuk buat filem lagi, buat drama lagi. Tapi sebab Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, kita tangguh sekejap lah," katanya.

Utusan Malaysia | 12 November 2020 | Page: 6

Pegawai syarikat telekomunikasi ditahan, beberapa lagi diburu

Bekal nombor pelanggan kepada sindiket perjudian

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
dan MASZUREEN HADZMAN
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Bukan sahaja membekal nombor telefon pelanggan untuk digunakan sindiket penipuan sistem perkhidmatan ringkas (SMS) tetapi turut disalurkan kepada sindiket kegiatan perjudian dalam talian.

Itu kegiatan yang dilakukan segelintir pegawai syarikat telekomunikasi yang sanggup 'bersekongkol' dengan sindiket berkenaan demi hidup mewah. Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, sumber memberitahu, pegawai syarikat telekomunikasi tersebut dipercayai menerima bayaran mengikut jumlah data pelanggan yang dijual.

Kata sumber, sindiket judi dalam talian yang menerima



Pegawai syarikat telekomunikasi tersebut dipercayai akan menerima bayaran mengikut jumlah data pelanggan yang dijual."

SUMBER

nombor pelanggan tersebut kemudiannya dipercayai menghantar SMS berbentuk promosi yang menawarkan perkhidmatan mereka.

"Siasatan masih dijalankan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejauh mana penglibatan pegawai komunikasi tersebut dengan sindiket perjudian dalam talian ini.

"Selain yang direman hari ini (semalam), beberapa lagi pegawai telekomunikasi yang terlibat dalam aktiviti ini sedang diburu," katanya di sini semalam.

Terdahulu, pegawai syarikat telekomunikasi direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes rasuah sindiket penipuan SMS.

Kelmarin tiga pengarah syarikat termasuk dua antaranya bergelar Datuk direman kelmarin bagi kes yang sama.

Tambah sumber, suspek disyaki menerima wang rasuah berjumlah RM300,000 yang diterima secara berperingkat melalui akaun peribadinya daripada

da salah sebuah syarikat sebagai balasan mendapatkan senarai nombor telefon pelanggan pelan prabayar dari 2017 hingga sekarang.

"Nombor telefon yang diperoleh akan digunakan oleh sindiket penipuan *content provider* menerusi SMS dengan mengenakan bayaran langganan tanpa pengetahuan dan persetujuan daripada pengguna," ujarnya.

Terdahulu, suspek berumur 49 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Putrajaya kira-kira pukul 9 malam kelmarin selepas hadir memberikan keterangan.

Permohonan reman dibenarkan dibuat terhadap suspek sehingga 15 November ini untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Utusan Malaysia | 13 November 2020 | Page: 30

Sindiket tipu SMS: SPRM tahan 2 lagi individu

PUTRAJAYA: Jumlah penahanan kes rasuah melibatkan sindiket penipuan -khidmat pesanan ringkas (SMS) meningkat kepada enam orang selepas dua lagi individu ditahan reman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan.

Menurut sumber, dua individu berusia 39 tahun dan 47 tahun tahun itu masing-masing ditahan pada pukul 2.34 petang dan 5.14 petang kelmarin di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini selepas hadir memberi keterangan.

Katanya, individu berusia 39 tahun itu adalah Ketua Pegawai Teknologi daripada sebuah syarikat swasta manakala individu berusia 47 tahun pula pegawai syarikat telekomunikasi.

"Mereka dipercayai memberi dan menerima wang rasuah untuk tujuan mendapatkan maklumat data peribadi pelanggan menggunakan pelan prabayar.

"Nombor telefon yang diper-



DUA individu dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam untuk mendapatkan perintah tahanan reman bagi membantu siasatan kes rasuah. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

oleh digunakan sindiket penipuan *content provider* dengan mengenakan bayaran langganan menerusi SMS tanpa pengetahuan dan persetujuan daripada pengguna," katanya di sini semalam.

Terdahulu, kedua-dua tahanan itu hadir di Mahkamah Majistret Putrajaya kira-kira pukul 10.30 pagi.

Majistret Siti Roslizawati Mohd. Zanin mengeluarkan perintah tahanan reman sehingga

16 November ini.

Sebelum ini, tiga pengarah syarikat termasuk dua bergelar Datuk dan seorang pegawai syarikat telekomunikasi ditahan kerana disyaki terlibat dalam kes rasuah berkenaan.

Utusan Malaysia | 13 November 2020 | Page: 33

Menitis air mata dituduh makan rasuah

SHAH ALAM: Seorang bekas pembantu penguat kuasa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menitis air mata apabila dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 11 pertuduhan rasuah melibatkan jumlah RM5,940, empat tahun lalu.

Tertuduh, Mohd. Faiz Ahdon, 36, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan tersebut di hadapan Hakim Rozilah Salleh oleh jurubahasa mahkamah.

Mohd. Faiz turut didakwa dengan dua pertuduhan bersama dengan dua lagi rakannya yang juga pembantu penguat kuasa iaitu Syed Ammar Syamim Syed Agail, 34, dan Mohd. Shahril Sapiain, 39, yang juga membuat pengakuan tidak bersalah.

Mengikut 11 pertuduhan, Mohd. Faiz yang kini bekerja sebagai pemandu *e-hailing* didakwa menerima RM5,940 daripada pemandu teksi sapu, Chong Chung Kwee, 57, sebagai dorongan tidak membocorkan maklumat operasi SPAD.

Ia juga sebagai dorongan tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap Chung Kwee dan lima rakannya Lim Chiam Hee, Soo Mun Kit dan Yap Chee Hong yang masing-masing berusia 56 tahun, Tay Kin Thong, 70, serta Chua Kooi Chean, 58.

Bagi kesemua pertuduhan itu, Mohd. Faiz didakwa melakukannya di CIMB Bank Cawangan Bandar Puteri Puchong dan Bank Simpanan Nasional (BSN) Bandar Baru Bangi



SYED Ammar Syamim Syed Agail (dari depan, kanan), Mohd. Shahril Sapiain dan Mohd. Faiz Ahdon diiringi pegawai polis di Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor atas dakwaan rasuah.

pada 11 Januari hingga 15 Mac 2016.

Bagi dua pertuduhan bersama pula, Mohd. Faiz dan Syed Ammar Syamim serta Mohd. Shahril didakwa meminta dan menerima rasuah RM720 daripada individu yang sama bagi tujuan sama.

Ketiga-tiga mereka didakwa melakukan perbuatan tersebut di Restoran Shahnaz Maju Nasi Kandar di Cyber 6, Sepang dekat sini antara pukul 1.30 hingga 2.30 pagi Februari 2016.

Bagi kesemua pertuduhan itu, ketiga-tiga mereka didakwa di bawah Seksyen 16 (a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang dibacakan bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan boleh dihu-

kum penjara sehingga 20 tahun atau denda tidak kurang lima ganda dan RM10,000 mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya, Fadhli Ab. Wahab menawarkan jaminan RM10,000 untuk 11 pertuduhan dihadapi Mohd. Faiz bersama seorang penjamin manakala RM8,000 bagi dua pertuduhan bersama dihadapi ketiga-tiga tertuduh dengan syarat tambahan passport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM setiap awal bulan sehingga selesai kes.

Mahkamah menetapkan jaminan RM4,000 untuk 13 pertuduhan dihadapi Mohd. Faiz sementara Syed Ammar dan Mohd. Shahril dibenarkan ikat jamin masing-masing RM2,000.

Utusan Malaysia | 15 November 2020 | Page: 5

Profesor direman siasatan kes rasuah

SHAH ALAM: Seorang bekas pengurus besar sebuah institut badan pengkaji direman selama enam hari bermula semalam selepas disyaki meminta dan menerima rasuah RM100,000 membabitkan pembelian tanah tiga tahun lalu.

Perintah tahanan reman terhadap suspek berusia 54 tahun bergelar profesor itu dikeluarkan Majistret Syajaratudur Abd. Rahman.


Menurut sumber, suspek didakwa meminta dan menerima wang rasuah sebagai khidmat perunding bagi pembelian tanah seluas 0.8 hektar di Batang Kali, Hulu Selangor dekat sini tiga tahun lalu untuk pembangunan agensi tempatnya kerjanya.

“Nilai harga tanah ini dikatakan lebih tinggi daripada harga pasaran. Lebihan nilai harga tanah tersebut adalah untuk tujuan pembayaran rasuah untuk dirinya.

“Suspek ditahan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam selepas hadir memberi keterangan,” kata sumber itu.

Sementara itu, Pengarah SPRM negeri, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.



Utusan Malaysia | 16 November 2020 | Page: 32

Sindiket tipu SMS: Enam disambung reman

PUTRAJAYA: Perintah tahanan reman terhadap enam individu yang disyaki terlibat dalam kes rasuah sindiket penipuan khidmat pesanan ringkas (SMS) dilanjutkan semalam bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Perintah sambung reman itu dikeluarkan Majistret Nur Aisyah Mohd. Yusof di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini.

Empat daripada enam individu tersebut disambung reman dua hari manakala dua lagi termasuk seorang wanita disambung reman sehari.

Sementara itu, seorang individu yang ditahan reman sebelum ini dibebaskan dengan jaminan RM3,000 dan seorang penjamin. Individu tersebut

perlu melapor diri di Pejabat SPRM setiap bulan sehingga kes selesai.

Menurut sumber, enam yang disambung reman berusia 39 tahun hingga 49 tahun itu membatalkan pengarah syarikat, pekerja syarikat swasta dan pegawai syarikat telekomunikasi.

Mereka sebelum ini yang ditahan reman pada Rabu dan Jumaat lalu dipercayai memberi serta menerima wang rasuah untuk tujuan mendapatkan maklumat data peribadi pelanggan menggunakan pelan prabayar.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, sebahagian tahanan itu dikatakan menerima suapan lebih RM200,000 selain menerima pelbagai beg berjenama sebagai balasan.



ENAM individu disambung reman bagi membantu siasatan kes rasuah melibatkan sindiket penipuan SMS di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Utusan Malaysia | 17 November 2020 | Page: 7

Program susu buka ruang rasuah - Maszlee Malik

KUALA LUMPUR: Peruntukan RM420 juta bagi penyediaan bekalan susu dua kali seminggu kepada setiap hari persekolahan dikhuatiri membuka ruang kepada rasuah dan ketirisan jika tidak diurus sebaiknya.

Menegaskan perkara itu, **Dr. Maszlee Malik (Bebas-Simpang Renggam)** berkata, kerajaan perlu melihat sejarah buruk program berkenaan apabila sebanyak 13 teguran audit diterima

pada 2015 dan kes kehilangan susu seperti dibangkitkan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) pada awal 2018.

Menurut beliau, lebih baik jika dana tersebut disalurkan kepada Rancangan Makanan Tambahan (RMT) kerana lebih ramai murid daripada keluarga M40 yang jatuh kepada B40 berikutan tekanan ekonomi akibat Covid-19.

"Apakah keutamaan peruntukan ini nanti diberikan hanya kepada beberapa syarikat? Seperti amalan biasa dilakukan sebelum ini. Saya berpendapat peruntukan RM420 juta ini lebih baik digunakan untuk menambatkan penerima RMT sedia ada.

"Seperti saya nyatakan di atas, unjuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang semakin banyak menyebabkan lebih ramai anak-anak menjadi calon

penerima RMT. Ini penting untuk memberikan nutrisi dalam kehidupan mereka," katanya ketika berucap membahaskan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat.

Sebelum ini, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz mengumumkan peruntukan RM420 juta disediakan dan sebahagian perolehan dikhaskan kepada pengeluar susu tempatan.

Dalam pada itu, Maszlee yang

juga bekas Menteri Pendidikan mempersoalkan kaedah penutupan sekolah seperti diputuskan Kementerian Pendidikan ketika negara sedang berdepan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Jelasnya, pembukaan dan penutupan sesebuah sekolah sebaiknya perlu diserahkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) kerana institusi itu lebih memahami keadaan sekitar.

Utusan Malaysia | 18 November 2020 | Page: 2

**STATISTIK JUMLAH PEGAWAI IMIGRESEN
DAN ORANG AWAM YANG DIREMAN**

MAHKAMAH	OKT DIREMAN	PENJAWAT AWAM	ORANG AWAM
Putrajaya	23	14	9
Johor Bahru	13	8	5
Kuching, Sarawak	1	-	1
Kota Kinabalu, Sabah	3	-	3
Shah Alam, Selangor	4	3	1
JUMLAH	44	25	19

200,000 warga asing bolos

Dari muka 1

Sumber memberitahu, bagi melancarkan kegiatan ini dua modus operandi digunakan membabitkan penggunaan 'passport terbang' dan kaunter khas di pintu masuk negara dengan bayaran RM100 sehingga RM300 dikenakan oleh ejen kepada warga asing ini.

Sumber berkata, melalui kaedah pertama ejen ini akan mengumpulkan dokumen perjalanan sama ada yang sudah tamat tempoh atau menggunakan pasawat sosial untuk dibawa ke pejabat imigresen tertentu, sebelum diberikan cap keluar masuk palsu.

Tindakan itu, kata sumber, untuk membolehkan visa dikeluarkan kepada pekerja asing disambung malah melalui urusan ini, hanya passport yang sampai ke pejabat Imigresen tanpa kehadiran warga asing itu sebagai pengesahan keluar atau masuk, seperti mana yang disyaratkan.

"Kaedah kedua pula menggunakan kaunter khas atau *setting counter* yang biasa berlaku di KLIA dan KLIA2 yang menasarkkan pendatang asing

tanpa izin (PATI) yang disenarai hitam dan sudah tamat tempoh visa," katanya semalam.

Hasil pemantauan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebelum dan bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 pada 18 Mac lalu, satu operasi khas yang dinamakan Op Selat dilancarkan bagi mengekang aktiviti itu.

Operasi ini adalah *sting operation* yang dijalankan hasil risikan dan pemantauan selama enam bulan di pintu masuk dan keluar utama negara khususnya di dua lapangan terbang utama dan Bangunan Sultan Ismail (BSI) Johor Bahru.

Hasil siasatan itu, sumber berkata, sebanyak 46 orang ditahan di sekitar Putrajaya, Selangor, Johor, Sabah dan Sarawak selain menyita akaun, kereta dan pelbagai barangan bernilai anggaran RM1 juta, sekali gus melumpuhkan aktiviti berkenaan.

Kata sumber itu, kesemua mereka yang ditahan terdiri 27 pegawai Imigresen dan 14 ejen pekerja asing dan lima orang awam yang bertindak sebagai orang tengah.

"Aktiviti rasuah dalam kalangan anggota sindiket menjadi lebih rancak sepanjang PKP dikuatkuasakan dan mereka ini menumpukan warga asing dan pekerja tanpa izin yang terkandak di negara ini akibat PKP.

"Mereka mengambil kesempatan susulan banyak permintaan daripada majikan untuk melanjutkan tempoh izin berada di negara ini dan permintaan pekerja asing atau PATI untuk pulang ke negara asal mereka tanpa melalui SOP yang betul.

"Tidak mustahil, mereka yang terlepas masuk ini juga antara warga asing yang terlibat dengan pelbagai aktiviti haram seperti pelacuran, rumah urut dan lain-lain sehingga boleh mengganggu gugat keselamatan negara ini," jelasnya.

Terdahulu, sebanyak 44 individu ditahan reman mengikut Akta SPRM bagi membantu siasatan berhubung isu penyalahgunaan pengesahan cap di sempadan utama negara.

Antara mereka yang ditahan ada direman selama tiga, empat, lima dan tujuh hari bermula semalam bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 16 dan Seksyen 17 Akta SPRM 2009.

Utusan Malaysia | 18 November 2020 | Page: 4



SERAMAI 13 individu termasuk sembilan pegawai Jabatan Imigresen yang disyaki terlibat dalam kes salah guna cap masuk di sempadan tiba di Mahkamah Majistret Johor Bahru untuk mendapatkan perintah tahanan reman, semalam. -UTUSAN/BAZLAN IBRAHIM

44 direman kes salah guna cap masuk

PUTRAJAYA: Seramai 14 penjawat awam adalah antara 44 individu ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung isu penyalahgunaan pengesahan cap di sempadan utama negara.

Di Putrajaya, perintah reman terhadap 23 individu dikeluarkan oleh Majistret Siti Roslizawati Mohd. Zanin di Mahkamah Majistret di sini selepas pihak SPRM membuat permohonan tersebut pagi semalam.

Antara 23 individu tersebut, 12

direman selama tujuh hari, sembilan direman selama lima hari dan dua lagi individu direman selama tiga dan empat hari.

Menurut sumber, selain 14 penjawat awam yang ditahan, selebihnya merupakan orang awam yang berusia antara 21 tahun hingga 55 tahun.

Di Johor Bahru, 13 individu berusia antara 35 hingga 45 tahun direman selepas Penolong Pendaftar, Mohammad Salehuddin Abd. Sani membenarkan permohonan reman selama tujuh hari di Mahkamah Majistret Johor Bahru.

Mereka yang direman terdiri daripada lapan penjawat awam dan lima orang awam.

Di Shah Alam pula, seramai empat individu berusia antara 33 tahun hingga 36 tahun yang terdiri daripada tiga penjawat awam dan seorang individu awam ditahan reman selama lima hari sehingga 21 November ini selepas perintah reman dikeluarkan oleh Majistret Nor Diana Masri di Mahkamah Shah Alam.

Dalam pada itu, di Sabah, perintah reman selama lima hari terhadap tiga orang awam berusia

antara 24 hingga 27 tahun dikeluarkan oleh Majistret Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, Richard Isidore selepas SPRM membuat permohonan reman secara dalam talian dari Pejabat SPRM Sabah.

Di Sarawak, seorang individu awam berusia 23 tahun ditahan reman selama tujuh hari bermula hari ini selepas Majistret Afidah Abdul Rahman membenarkan permohonan SPRM di Mahkamah Majistret Samarahan, pagi tadi.

Siasatan dibuat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009 dan Seksyen 17 Akta SPRM 2009.

Utusan Malaysia | 18 November 2020 | Page: 1

RM5,000 hingga RM20,000 sehari bayar pegawai Imigresen

200,000 warga asing bolos

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kira-kira 100,000 sehingga 200,000 warga asing 'dilepaskan' untuk terus tinggal di negara ini tanpa melalui tapisan yang betul.

Mereka dikesan masih berada di negara ini meskipun pasport dan permit

kerja telah tamat tempoh manakala sebahagian lagi berjaya 'melepasi' pintu masuk untuk bekerja di sini.

Kesemua warga asing terdiri warganegara China, Bangladesh dan Pakistan itu dengan mudah mendapatkan 'keistimewaan' apabila terdapat pegawai Jabatan Imigresen yang gelap mata sanggup menyalahgunakan pengesa-

han cap keluar dan masuk sempadan utama negara.

Lebih mengejutkan, dedah sumber kepada *Utusan Malaysia*, pegawai Imigresen yang terdiri daripada kumpulan gred 19 sehingga 32 itu sanggup 'bersekongkol' dengan lebih 10 ejen yang berperanan sebagai 'orang tengah' dengan menerima upah dipercayai antara

RM5,000 sehingga RM20,000 sehari.

Malah, kegiatan yang aktif dijalankan sejak dua tahun lalu itu menyasarkan dua lapangan terbang utama negara iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 serta Kompleks Imigresen dan Kastam (CIQ).

Bersambung di muka 2



Reman

SERAMAI 23 suspek termasuk pegawai Jabatan Imigresen Malaysia yang dikawal pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memasuki pekarangan Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam untuk perintah tahanan reman siasatan kes pemalsuan cap warga asing.

- UTUSAN/FAISOL MUSTAFA
(Lagi berita di muka 4)

Utusan Malaysia | 18 November 2020 | Page: 12

Bekas pemain import NS mengaku tipu invois

SEREMBAN: Bekas pemain import skuad bola sepak Negeri Sembilan mengaku salah di Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana memperdaya seorang kakitangan bank dengan membuat tuntutan invois palsu bagi tujuan kiriman wang ke negara asalnya berjumlah RM48,879.

Tertuduh, Matheus Fernandes Vila Real, 28, yang berasal dari Brazil, mengaku melakukan per-

buatan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa dalam bahasa Portugis di hadapan Hakim Madiah Harullah.

Mahkamah kemudian memerintahkan tertuduh dikenakan denda RM8,000 atau penjara 10 bulan jika gagal membayar denda.

Matheus Villa yang bermain selama dua tahun bersama pasukan Negeri Sembilan membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, pada 30 September lalu, tertuduh menipu seorang wakil dari pihak CIMB Cawangan Seremban dengan memperdayakannya untuk mempercayai Borang Permohonan Kiriman Wang (Remittance Applications Form) dan invois adalah benar.

Kedua-dua dokumen palsu tersebut kononnya untuk pembelian barangan dagangan iaitu sejumlah 5,825 unit 'dye ink'

bertarikh 23 September 2020 bernilai USD11,650 (RM48,879) dari pihak Wind Pasific Consulting Ptd.

Ia juga sebagai dorongan supaya pihak bank meluluskan permohonan pindahan wang miliknya secara transaksi dalam talian dari akaun CIMB Bank miliknya ke akaun Ambank milik Wind Pasific Consulting Ptd.

Bagi kesalahan tersebut,

pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan kerana menipu yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya, memohon maaf kepada mahkamah dan memaklumkan tidak tahu bahawa perbuatannya itu menjadi satu kesalahan di negara ini.

Utusan Malaysia | 18 November 2020 | Page: 4

Tiada kompromi pegawai salah guna kuasa

PUTRAJAYA: Jabatan Imigresen tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai dan kakitangan yang menyalahgunakan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan Imigresen demi kepentingan peribadi.

Ketua Pengarahnya, Datuk Khairul Dzaimie Daud menegaskan, mereka yang terlibat perlu bersedia menghadapi tindakan undang-undang yang akhirnya akan dipenjara dan ditamatkan perkhidmatan jika didapati bersalah.

Berhubung penahanan pegawai-pegawai Imigresen oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), beliau memberitahu, mereka ditahan kerana disyaki terlibat dalam aktiviti pemalsuan cop keselamatan Imigresen.

"Penahanan mereka adalah hasil kerjasama antara jabatan ini dengan SPRM khususnya dalam perkongsian maklumat yang diperoleh daripada aduan orang ramai."

"Jabatan ini akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada SPRM untuk melengkapkan siasatan mereka yang akan dilaksanakan secara profesional," katanya dalam kenyataan semalam.

SPRM menahan seramai 44 individu termasuk pegawai Imigresen bagi membantu siasatan berhubung isu penyalahgunaan pengesahan cap di sempadan, khususnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), KLIA 2 dan Bangunan Sultan Ismail (BSI) Johor Bahru.

Menurut Khairul Dzaimie, penahanan pegawai-pegawai jabatan, bagaimanapun tidak akan menjejaskan operasi jabatan itu dalam melaksanakan tugas-tugas harian dan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Utusan Malaysia | 22 November 2020 | Page: 1 & 3

Kakitangan imigresen turut terlibat pelacuran, pemerdagangan manusia

KUALALUMPUR: Sindiket antara-bangsa yang 'bersekongkol' dengan pegawai daripada Jabatan Imigresen dipercayai turut aktif melakukan aktiviti pelacuran dan pemerdagangan manusia di negara ini selain terlibat dalam kegiatan cap dokumen di pintu masuk negara.

Sumber mendedahkan kepada *Mingguan Malaysia*, sindiket terbabit dipercayai membawa warga asing untuk menjalankan kegiatan pelacuran dan aktiviti haram lain.

Bagaimanapun, kata sumber itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih menjalankan siasatan lanjut

keterlibatan individu yang ditahan dalam aktiviti tersebut.

"SPRM tidak tolak kemungkinan perkara ini berlaku dan rasuah yang mereka terima lebih RM14.5 juta yang dimaklumkan sebelum ini," katanya semalam.

Bersambung di muka 3



TIMBALAN pengarah antara tiga pegawai imigresen yang ditahan reman, semalam bagi membantu siasatan rasuah dan urusan cap palsu di pintu masuk negara menerusi Ops Selat. SPRM turut mendapatkan perintah sambungan reman terhadap 10 lagi yang ditahan sebelum ini.

Kakitangan imigresen turut terlibat pelacuran, pemerdagangan manusia

Dari muka 1

Dalam pada itu, tambah sumber, sebanyak tiga lagi pegawai Jabatan Imigresen termasuk Timbalan Pengarah Gred 48 ditahan reman semalam bagi membantu siasatan berhubung kes yang sama.

Selain itu, SPRM turut men-

dapatkan perintah sambungan reman ke atas 10 individu yang mana dua daripada mereka dilepaskan manakala bakinya dibenarkan mendapat perintah berkenaan.

"Timbalan Pengarah yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bersama dua lagi anggota

berusia antara 38 tahun hingga 54 tahun ditahan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya petang kelmarin.

"Perintah tahanan reman dikeluarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim kepada mereka selama lima hari bermula hari ini (semalam) di bawah seksyen 117 Kanun Acara Jenayah,"

katanya.

Perkembangan terbaharu itu menjadikan sebanyak 53 orang ditahan dalam Op Selat yang bermula dari 16 November lalu.

Ini termasuk 33 pegawai imigresen yang bertugas di KLIA, KLIA 2 dan Bangunan Sultan Ismail Johor Bahru.

Utusan Malaysia | 22 November 2020 | Page: 3

Wajib isytihar harta, pasang kamera badan

Oleh HADI AB. MANAP
hadi.manap@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Sudah tiba masanya kerajaan mewajibkan perisytiharan harta dalam kalangan penjawat awam terutamanya agensi penguatkuasaan, tidak hanya pegawai di peringkat atasan namun perlu juga melibatkan anggota bawahan.

Pensyarah kanan di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Dr. Muzaffar Syah Mallow** berpendapat, masalah integriti boleh berlaku tanpa mengenal tinggi atau rendah pangkat seseorang dalam satu-satu jabatan.

Beliau berkata, ekor pendedahan salah guna kuasa

dan rasuah yang begitu membimbangkan, maka amat relevan seandainya ahli keluarga terdekat mereka juga perlu diwajibkan berbuat demikian bagi mengelakkan kegiatan menyorok harta.

"Antara perkara yang boleh memberi kecurigaan pada orang ramai ialah mengenai aspek gaya hidup mewah luar biasa atau keterlaluan yang sering dipamerkan oleh seseorang individu.

"Sekiranya terdapat kes kukuh untuk pendakwaan, perubahan semacam individu yang disyaki terlibat boleh digunakan kelak sebagai salah satu bahan bukti berdasarkan keadaan (circumstantial evidence) dalam mahkamah seperti yang telah diperuntukkan

di bawah Akta Keterangan 1950 (Akta 56)," katanya kepada *Mingguan Malaysia* semalam.

Utusan Malaysia semalam melaporkan rangkaian aktiviti penyeludupan manusia antarabangsa khususnya dari China, Vietnam, Indonesia dan Bangladesh dikenal pasti terlibat dalam kegiatan rasuah urusan cap palsu di pintu masuk utama negara.

Apa yang mengejutkan anggota sindiket yang terdiri daripada ejen-ejen di luar negara itu menawarkan habuan kereta mewah termasuk Rolls-Royce kepada kaki tangan imigresen.

Dalam pada itu, Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) mencadangkan pemakaian kamera badan kepada anggota pe-

nguatkuasa yang bertugas di lapangan.

Presidennya, **Jais Abdul Karim** berkata, kaedah berkenaan sudah lama diamalkan di negara-negara Eropah antaranya Amerika Syarikat dan terbukti berkesan mengekang penularan jenayah rasuah dalam kalangan anggota.

"Kamera badan adalah cadangan yang terbaik. Selain itu, perlu diwujudkan sistem pengesan khas imigresen dalam pasport pekerja asing yang masuk ke Malaysia.

"Pasport Malaysia yang tamat tempoh perlu diserahkan kembali kepada Jabatan Imigresen dan saya fikir perlu ada kad pengenalan khas bagi setiap pemegang pasport asing," jelasnya.

Utusan Malaysia | 23 November 2020 | Page: 1 & 3

Anggota rendah Imigresen mewah tak sepadan gaji

Oleh NURAINA HANIS

ABD. HALIM

hanis.halim@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kehidupan anggota Jabatan Imigresen gred KP19 dan KP22 yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baru-baru ini kerana disyaki menyalahguna cap keluar masuk warga asing didapati lebih 'mewah' berbanding pegawai-pegawai atasan mereka.

Menurut sumber, ada antara mereka dipercayai tinggal di rumah jenis semi-D sedangkan gred mereka tidak setimpal dengan nilai aset tersebut. Ada antara mereka juga memiliki lebih dari sebuah kenderaan.

Bersambung di muka 3

Anggota rendah Imigresen mewah tak sepadan gaji

Dari muka 1

Pendapatan gaji pokok bagi kakitangan KP19 dan KP22 tidak lebih RM5,000.

Semalam, SPRM menahan seorang lagi anggota Imigresen gred KP22 berusia 30-an, menjadikan jumlah tangkapan menerusi Op Selat berkaitan jenayah menjual cap keluar masuk dokumen warga asing meningkat kepada 54 orang.

Anggota SPRM yang ditahan itu bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA2).

"SPRM menyita tiga buah kenderaan mewah iaitu dua Toyota Vellfire dan sebuah Toyota Passo. Kenderaan-kende-

raan tersebut dipercayai milik anggota Imigresen serta ejennya.

"Tiada wang tunai dirampas dalam penahanan terbaharu ini dan siasatan lanjut masih dijalankan," kata sumber itu semalam.

Dalam pada itu, sumber berkata, siasatan mendapati timbalan pengarah gred KP48 yang ditahan kelmarin dipercayai menjadi pelindung kepada sindiket menjual cap warga asing.

Bagaimanapun, setakat ini SPRM belum menyita aset milik timbalan pengarah terbabit selain siasatan lanjut dilakukan bagi mengesan aset lain yang diterima hasil wang rasuah.

"SPRM tidak menolak kemungkinan akan ada tangkapan lain berkaitan kes itu," katanya.

Mingguan Malaysia semalam melaporkan sindiket antarabangsa yang bersekongkol dengan pegawai serta anggota Imigresen dipercayai aktif melakukan aktiviti pelacuran dan pemerdagangan manusia di negara ini.

Bagaimanapun, sumber berkata, SPRM masih menjalankan siasatan berhubung penglibatan individu yang ditahan dan tidak menolak kemungkinan nilai rasuah diterima mereka lebih RM14.5 juta.

Terdahulu, SPRM mende-

dahkan kira-kira 30,000 warga asing bolos dan RM14.5 juta wang sogokan diagihkan dalam kalangan kakitangan yang bertugas di KLIA2 dan Bangunan Sultan Ismail Johor Bharu dalam tempoh empat tahun bermula 2017.

Secara purata, setiap tahun, RM3.6 juta didakwa diagihkan sesama anggota dan pegawai Imigresen hasil penglibatan mereka dengan sindiket ini.

Selain itu, wang tunai RM800,000, 26 kereta mewah dan empat motosikal berkuasa tinggi dirampas selain jumlah berkenaan tidak termasuk rumah, tanah, barangan kemas dan sebagainya yang turut dirampas.

Utusan Malaysia | 24 November 2020 | Page: 1 & 12



**TUNTUTAN PALSU, PECAH
AMANAH RM140 JUTA**

**Bekas CEO,
isteri dituduh
di mahkamah
hari ini »12**

Suami isteri pecah amanah RM140 juta

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Seorang bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) dan isterinya yang merupakan pengarah syarikat swasta akan dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Jenayah Rasuah, Shah Alam, Selangor, hari ini.

Mereka didakwa atas pertuduhan membuat tuntutan palsu dan pecah amanah bernilai kira-kira RM140 juta sejak tujuh tahun lalu.

Kedua-dua individu berusia 63 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya kira-kira pukul 9.40 pagi ketika hadir memberi keterangan, semalam.

Menurut sumber, individu berpangkat Datuk tersebut bakal berdepan dengan beberapa



**Bakal berdepan
dengan beberapa
pertuduhan
mengemukakan
tuntutan palsu dan
pecah amanah."**

pa pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM8 juta dan pertuduhan pecah amanah bernilai kira-kira RM132 juta sejak 2013 hingga 2017.

Tambah sumber tersebut, isterinya pula dijangka menghadapi pertuduhan kerana ber-subahat melakukan kesalahan tersebut.

Utusan Malaysia | 24 November 2020 | Page: 7

Staf Imigresen ada rekod curi kereta

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
dan MASZUREEN HADZMAN
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Bukan setakat terlibat dalam aktiviti pelacuran dan pemerdagangan manusia, malah giat melakukan kegiatan curi kenderaan.

Lebih mengejutkan, salah seorang anggota Jabatan Imigresen gred KP19 yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baru-baru ini turut mempunyai rekod jenayah sebelum menyertai Imigresen.

Sumber mendedahkan ke-

pada *Utusan Malaysia*, anggota Imigresen berkenaan dipercayai antara saki baki ahli kumpulan curi kenderaan 'Geng Sekinchan' yang ditumpaskan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 2014.

Suspek sama juga aktif dalam sindiket pelacuran bagi warga Vietnam dan China yang beroperasi di Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

"Dalam pada itu, salah seorang ejen yang ditahan termasuk dalam senarai orang yang dikehendaki PDRM," katanya semalam.

Sumber berkata, SPRM menahan dua lagi kakitangan Imigresen gred KP19 berhubung kes sama.

Penahanan itu sekali gus menjadikan jumlah tangkapan menerusi Op Selat meningkat kepada 56 orang setakat ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, sumber berkata, dua tahanan itu direman di Mahkamah Majistret Shah Alam lima hari bermula semalam.

Pada masa sama, menurutnya, seramai 17 anggota jabatan penguatkuasaan itu dan lapan ejen disambung reman selama tujuh hari.

"Seramai sembilan pegawai Imigresen dan empat ejen disambung reman selama lima hari oleh

Mahkamah Majistret Johor Bahru bermula esok," katanya di sini.

Kata sumber, SPRM sedang mengesan tiga individu bagi membantu siasatan kes rasuah berkenaan.

Mereka dipercayai ahli sindiket pelacuran yang bergiat aktif di Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Lelaki pertama, Clement Chen Wei Chien, 35, mempunyai alamat terakhir di 12A, Jalan Mandarina Second Enclave, 56000 Cheras, Kuala Lumpur dan No. 20 Canary Residensi, Jalan CH 5B, Taman Cheras, Hartamas Batu 9,

43200 Cheras, Selangor.

Sementara itu lelaki kedua, Ong Bok Hay, 66, mempunyai tiga alamat terakhir iaitu di A-11-3 Villa Angsana Condo 56 Jalan Krian Off Jalan Ipoh, 51100 Kuala Lumpur; A-16-3A, One Sentul Condominium, Jalan Sentul Ria 1, 51000 Kuala Lumpur dan No. 10, USJ 3/4F Subang Jaya, 47600 Subang Jaya, Selangor.

Dalam pada itu, SPRM turut mengesan seorang wanita, Ho Lei Kiow, 47, yang mempunyai alamat terakhir di No 76, Jalan Bukit Flora 3, Taman Bukit Flora, 83000 Batu Pahat, Johor.

Utusan Malaysia | 24 November 2020 | Page: 15

'Penyakit' lama belum sembuh

MINDA
PEGUAM

Oleh
Salleh Buang

MEDIA tempatan minggu lalu menyiarkan berita mengejutkan tentang siri tangkapan beberapa pegawai tinggi Jabatan Imigresen yang disyaki terlibat dalam kegiatan jenayah perdagangan manusia dan penyeludupan migran di negara ini.

Mengikut berita itu, 46 individu termasuk 27 pegawai imigresen ditahan dalam serbuan serentak di empat negeri kerana disyaki terlibat dalam sindiket salah guna cop keluar dan masuk di sempadan negara. Serbuan itu, yang dinamakan Ops Selat dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Jabatan Imigresen sendiri, membabitkan serbuan di Putrajaya, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching.


Selain 27 pegawai imigresen, turut ditahan 14 ejen pekerja asing dan lima orang awam (berusia antara 21 hingga 46 tahun) yang dipercayai memainkan peranan sebagai orang tengah dalam operasi haram itu.

Sindiket haram ini menjalankan aktiviti sejak setahun lalu dan SPRM mengesan pembabitannya mereka ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dilaksanakan pada 18 Mac lalu. Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Norazlan Mohd. Razali mengesahkan tangkapan dan siasatan di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Tangkapan yang dilakukan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bangunan Sultan Iskandar, Johor membabitkan 10 orang, manakala di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) membabitkan 30 orang.

KERETA MEWAH

Pada 21 November lalu, media melaporkan, SPRM menahan tiga lagi pegawai imigresen termasuk seorang berpangkat timbalan pengarah yang bertugas di KLIA berhubung siasatan kes rasuah membabitkan cop sempadan. Ketiga-tiga mereka (berusia



ANGGOTA Jabatan Imigresen dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru untuk ditahan reman tujuh hari berhubung pemalsuan cop sempadan negara, baru-baru ini. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM

antara 38 hingga 54 tahun) ditahan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya selepas dipanggil untuk memberikan keterangan.

Mengikut laporan itu lagi, sehingga kini jumlah yang ditahan SPRM di bawah Ops Selat meningkat hingga 53. Tidak mustahil angka ini bertambah dalam seminggu dua lagi. Lebih RM800,000 wang tunai, 26 kereta mewah dan empat motosikal berkuasa tinggi dirampas dalam operasi berkenaan.

Sindiket dipercayai membabitkan rangkaian aktiviti jenayah penyeludupan antarabangsa khusus dari China, Vietnam, Indonesia dan Bangladesh.

Berita tangkapan pegawai-pegawai imigresen ini mengingatkan pengalaman saya beberapa tahun lalu sewaktu terlibat dalam siri program kesedaran isu pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran yang dianjurkan oleh Institut Akhbar Malaysia (MPI) dan beberapa agensi kerajaan lain dengan sokongan Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Kuala Lumpur.

Pengalaman dalam siri program itu menyedarkan saya bahawa Malaysia telah sekian lama menjadi bukan hanya sebagai negara destinasi (penerima), bahkan negara asal (sumber) dan negara transit kegiatan jenayah merentasi sempadan ini. Mengikut laporan *Trafficking in Persons* (TIP) yang dikeluarkan oleh



Jika kita gagal berbuat sesuatu untuk memperbaiki keadaan, jangan hairan jika tahun depan kita jatuh ke tingkat paling bawah."

Jabatan Negara AS pada 26 Jun lalu, Malaysia masih lagi gagal mencapai standard minimum untuk membasmi jenayah pemerdagangan orang walaupun telah mengambil 'langkah yang signifikan' ke arah itu.

PROSIDING

Mengikut Laporan TIP itu - *Corruption and official complicity facilitated trafficking and impeded anti-trafficking efforts. The government did not report convicting any complicit officials during the reporting period. The government did not report initiating prosecutions against any of the 600 immigration officials it reassigned in 2017, including seven who were arrested, for their alleged involvement in four smuggling networks that operated at the Kuala Lumpur International Airport, which*

Pegawai Imigresen disogok RM3.6j

SPRM puli KP Imigresen

UTUSAN Malaysia
19 November 2020



may have facilitated trafficking" (<https://my.usembassy.gov/our-relationship/official-reports/2020-trafficking-in-persons-malaysia/>)

Laporan itu menyebut tentang rasuah dan penglibatan di peringkat pegawai, kegagalan menjalankan prosiding terhadap mana-mana orang dalam kalangan 600 pegawai imigresen yang ditugaskan tempat bertugas pada 2017, termasuk mereka yang ditangkap kerana terlibat dalam sindiket penyeludupan orang di KLIA.

Dalam perenggan akhirnya, Laporan TIP itu menyatakan - *Official complicity continues to undermine anti-trafficking efforts... Corrupt immigration officials facilitate trafficking by accepting bribes from brokers and smugglers at border crossings, including at airports.*

Some government officials profit from bribes and direct involvement in extortion from and exploitation of migrants.

Pendedahan media tempatan mengenai siri tangkapan melibatkan pegawai tinggi Jabatan Imigresen, minggu lalu itu mengesahkan apa yang terkandung dalam laporan TIP itu, sekali gus membuat saya sedar bahawa 'penyakit' lama kita sekian lamanya ini belum sembuh atau bertambah baik seperti diimpikan, bahkan sebaliknya menjadi lebih parah lagi.

PALING BAWAH

Disebabkan keadaan yang buruk ini, Malaysia masih lagi ditempatkan di Tier 2 Watch List dalam senarai (ranking) laporan TIP itu. Kita tidak bergerak, kekal di tangga itu selama tiga tahun berturut-turut. Ia bukan sesuatu yang boleh kita banggakan. Jika kita gagal berbuat sesuatu untuk memperbaiki keadaan, jangan hairan jika tahun depan kita jatuh ke tingkat paling bawah, Tier 3.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Imigresen Semenanjung (KPISM), Norhisam Murujan mencadangkan jumlah pegawai integriti jabatan yang mempunyai sijil *Certified Integrity Officer* (CeIO) ditambah lagi, selain diambil tindakan segera memperkemas prosedur operasi standard (SOP) dan membangunkan Pelan Anti Rasuah Jabatan Imigresen yang menyeluruh, serta skim latihan lebih mantap lagi.

Bolehkah imej Jabatan Imigresen dipulihkan? Mengikut KPISM, ia boleh dilakukan sekiranya tiga strategi tersebut dapat dilaksanakan - iaitu tindakan dalaman, pencegahan dan pendidikan berterusan mengenai integriti dalam pengukuasaan, sambil memastikan 'ruang dan peluang' perlakuan rasuah ditutup sepenuhnya.

Dalam portal rasmi Jabatan Imigresen, saya temui dokumen setebal 38 halaman bertajuk *Kod Etika dan Tatakelakuan Jabatan Imigresen Malaysia*. Hendaknya apa yang dikata boleh dikota sepenuhnya.

DATUK Salleh Buang ialah bekas Peguam Persetiaan di Jabatan Peguam Negara dan bekas Profesor Tamu di Universiti Teknologi Malaysia.

Utusan Malaysia | 25 November 2020 | Page: 10

Pecah amanah, buat 11 tuntutan palsu RM145.4 juta

Bekas CEO, isteri didakwa

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
rohaizah.zainal@utusanmalaysia.com.my

SHAH ALAM: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif syarikat pengeluar sarung tangan getah, WIP Asia Pacific Sdn. Bhd. didakwa di Mahkamah Sesiyen di sini, semalam atas 11 pertuduhan membuat tuntutan palsu dan pecah amanah jenayah bernilai RM145.4 juta tujuh tahun lalu.

Turut didakwa isterinya atas tuduhan bersubahat melibatkan RM106 juta bagi tempoh sama.

Kedua-dua tertuduh, Datuk Lee Son Hong dan Datin Too Sook Keng masing-masing berusia 63 mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan, Son Hong yang kini masih pengarah syarikat tersebut didakwa atas tiga pertuduhan iaitu membuat tuntutan palsu melibatkan jumlah RM18.4 juta atas nama Tower Success Group Ltd. berkaitan pembayaran bagi penubuhan mesin membuat sarung tangan yang tidak pernah dibuat antara 27 Mac hingga 23 Disember 2013.



LEE Son Hong (tengah) hadir di Mahkamah Sesiyen Shah Alam, semalam bagi menghadapi tuduhan membuat tuntutan palsu dan pecah amanah melibatkan RM145.4 juta tujuh tahun lalu. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

Bagi pertuduhan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Akta 694) yang boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda

nilai mapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit bersalah.

Rupa kepada dua anak itu turut didakwa di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan dengan lapuan pertuduhan pecah amanah jenayah lebih RM117 juta antara 12 Disember 2013 hingga

18 Januari 2018.

Jika sabit bersalah, tertuduh boleh dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun, sebat dan denda.

Sook Keng yang juga salah seorang pengarah syarikat tersebut didakwa atas tujuh pertuduhan bersubahat melakukan pecah amanah jenayah membabitkan dana syarikat RM106 juta antara 12 Disember 2013 hingga 18 Januari 2018.

Dalam pertuduhan yang dibacakan berasingan itu, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 109 Kanun Keseksaan yang dibacakan bersama Seksyen 409 kanun yang sama yang memperuntukkan penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebat dan boleh didenda jika sabit bersalah.

Pasangan itu didakwa melakukan semua kesalahan itu di pejabat syarikat tersebut di kawasan perusahaan Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang dekat sini.

Hakim Rozilah menetapkan kedua-dua mereka masing-masing diikat jamin RM1.5 juta dan membenarkan syarat tambahan perundangan.

Utusan Malaysia | 26 November 2020 | Page: 12

RM1.6 juta dilarikan polis

Oleh **NURAINA HANIS**
ABD. HALIM
hanis.halim@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan siasatan terperinci berhubung wang rampasan RM1.6 juta dipercayai dilarikan enam anggota polis termasuk dua pegawai kanan berpangkat Asisten Superintenden dalam serbuan di sebuah rumah di Jinjang dekat sini, 12 November lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, kesemua mereka kini ditahan bagi membantu siasatan kes tersebut.

Jelasnya, siasatan di bawah Kanun Keseksan untuk pendakwaan di mahkamah dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman.

"Mereka disiasat di bawah Seksyen 380 kerana mencuri dan Seksyen 384 atas kesalahan peras ugut.

"Saya juga telah mengarahkan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIIPS) untuk siasatan dalaman kerana tindakan tata tertib," katanya ketika dihubungi

di sini semalam.

Enam anggota dan pegawai polis dari sebuah ibu pejabat polis daerah (IPD) di Kuala Lumpur ditahan selepas dipercayai melarikan wang tunai berjumlah RM1.6 juta milik warga China ketika melakukan serbuan di sebuah rumah di Jinjang dekat sini.

Menurut sumber, semuanya bermula apabila pasukan daripada Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, IPD terbabit mendapat maklumat berkaitan kes penipuan sebelum melakukan serbuan di premis berkenaan.

Jelasnya, ketika serbuan, wang tunai ditemukan dan merampasnya namun penemuan wang tunai RM1.6 juta itu tidak dilaporkan.

"Malah, warga China terbabit juga tidak ditahan dan pasukan polis terbabit dipercayai melarikan wang tunai milik mangsa.

"Mangsa mula mengesyaki dan tidak berpuas hati dengan perkara itu kemudian tampil membuat laporan polis, Selasa lalu," katanya.

Mengulas lanjut, sumber

berkata, polis berjaya menahan seorang pegawai kanan berpangkat Asisten Superintenden dipercayai ketua serbuan berkenaan dan beberapa anggota lain-lain pangkat.

"Sebahagian wang tunai yang dilarikan pegawai dan anggota berkenaan dijumpai di rumah masing-masing namun hanya RM500,000 ditemukan.

"Polis sedang mengesan baki wang tunai yang dilarikan kumpulan polis terbabit," katanya.

**ABDUL
HAMID
BADOR**



Utusan Malaysia | 27 November 2020 | Page: 41

SWF Indonesia bukan seperti 1MDB

JAKARTA: Menteri Badan Usaha Milik Negara (BUMN), Erick Thohir memberi jaminan Sovereign Wealth Fund (SWF) atau dana wakaf pelaburan yang dirancang oleh Indonesia akan diuruskan secara telus bagi mengelakkan potensi penyelewengan seperti skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Lapor *CNN Indonesia*, Erick mengulas mengenai SWF dalam sesi pertemuan bersama 43 Ketua Pegawai Eksekutif Antarabangsa di Forum Ekonomi Sedunia (WEF) yang diadakan secara maya.

"Banyak persoalan dibangkitkan mengenai pelaburan, kami tegas dalam menguatkuasakan undang-undang apatah lagi ketika ini kita sedang melaksanakan SWF yang tidak mahu disamakan dengan 1MDB.

"Oleh itu, kami akan memastikan bahawa proses pengendalian SWF akan dilakukan secara telus dan sewajarnya," katanya.

Menurut Erick, SWF akan digunakan untuk mempercepatkan projek strategik nasional yang dikendalikan oleh kerajaan.

Selain itu, beliau menegaskan bahawa kerajaan sangat menyokong pelaburan yang akan dilakukan oleh ahli perniagaan dalam dan luar negara.

"Oleh itu, undang-undang omnibus atau program cipta kerja dilaksanakan untuk memberi sokongan berbanding mempercepatkan pembangunan ekonomi Indonesia," katanya.

1MDB merupakan pelaburan kerajaan Malaysia yang ditubuhkan pada 2009 oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga mengetuai badan penasihat yayasan itu sehingga 2016.

Dakwaan penyelewengan dana berjumlah AS\$4.5 bilion (RM18.38 bilion) masih sedang

disiasat oleh Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (AS) dan beberapa negara lain seperti Switzerland dan Singapura.

Sejak tiga tahun kebelakangan ini, skandal itu telah menyebabkan beberapa individu ditahan, penutupan bank dan rampasan aset bernilai jutaan dolar di seluruh dunia.

ERICK
THOHIR



Utusan Malaysia | 27 November 2020 | Page: 12



SHEILA
MAJID

RPM, PPM serah semua dokumen

KUALA LUMPUR: Dua badan pengurusan royalti artis, Public Performance Malaysia (PPM) dan Recording Performers Malaysia (RPM) sudah menyerahkan semua dokumen kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung isu dana kutipan royalti hak cipta lagu.

Pengerusi RPM, Datuk Sheila Majid berkata, SPRM sudah menghubungi pihaknya terlebih dahulu sebelum hadir ke pejabat dan RPM memberi kerjasama penuh untuk membantu siasatan.

"Pihak SPRM tidak menyerbu pejabat kami seperti yang tular. Mereka sudah menghubungi kami terlebih dahulu untuk menetapkan tarikh yang sesuai menyerahkan dokumen

yang diperlukan.

"RPM akan memberi kerjasama penuh membantu siasatan dan sebarang kenyataan lanjut akan diberi selepas siasatan selesai," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Terdahulu, SPRM menyerbu empat pejabat badan pengurusan royalti artis dana kutipan royalti hak cipta lagu.

Pejabat lain yang diserbu adalah Badan Pengutip Royalti Hak Pelaku dan Persembahan Artis (PRISM) dan Badan Perlindungan Hak Cipta Muzik (MACP).

Sumber berkata, SPRM melakukan siasatan susulan menerima maklumat Presiden Karyawan, Datuk Freddie Fernandez berhubung isu penyalahgunaan dana hasil kutipan royalti hak cipta lagu yang diterima daripada pengusaha industri di Malaysia bagi tujuan persembahan awam atau 'public



FREDDIE FERNANDEZ

performance'.

Pengerusi PPM, Rosmin Hashim berkata, pertemuan secara aman itu berlangsung sekitar pukul 10 pagi apabila pihaknya diminta untuk menyerahkan semua dokumen berkaitan kepada pegawai SPRM yang terlibat.

"Pihak kami telah menyerahkan semua dokumen yang diminta selain akan sentiasa memberikan kerjasama baik untuk membantu siasatan. PPM juga melihat tindakan ini sebagai satu peluang yang baik untuk membersihkan nama PPM sendiri," katanya.

Menurut Rosmin, sepanjang 30 tahun beroperasi, PPM menjalankan tugas dengan telus dan tidak pernah mempunyai masalah dengan ahli-ahlinya.

Sementara itu, Freddie berharap siasatan SPRM berkaitan isu penyalahgunaan dana hasil kutipan royalti hak cipta lagu dapat menyelesaikan permasalahan yang sudah berlarutan hampir 20 tahun.

Jelasnya, dengan keadaan pendapatan penggiat seni kini terjejas akibat pandemik Covid-19, sudah sampai waktu untuk pihaknya mencari keadilan buat semua.

Utusan Malaysia | 28 November 2020 | Page: 13

Bekas pegawai DBKL menangis, sujud syukur

KUALA LUMPUR: Bekas Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Seri Syed Afendy Ali Syed Abid menangis dan melakukan sujud syukur di Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas mahkamah melepas-kannya daripada hukuman penjara lapan bulan atas kesalahan salah guna kedudukannya, tujuh tahun lalu.

Hakim Collin Lawrence Sequerah turut memerintahkan agar denda RM80,000 dipulangkan.

Mahkamah memutuskan demikian selepas mendapati pihak pendakwa gagal membuktikan intipati pertuduhan kes itu. Syed Afendy Ali memfailkan rayuan terhadap sabitan salah dan hukuman penjara serta denda selepas tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Sesyen di sini pada 20 Mac 2018.

"Selepas meneliti hujahan dan bukti yang dikemukakan, mahkamah mendapati pendakwa gagal membuktikan bahawa perayu (Syed Afendy Ali) telah mendapatkan hartanah untuk ahli keluarganya yang dinyatakan dalam pertuduhan

secara percuma.

"Oleh itu, tanggapan salah mengikut seksyen tersebut telah gagal dibuktikan. Rayuan perayu dibenarkan dan denda dipulangkan kepada perayu," kata Hakim Sequerah ketika membaca penghakiman ringkasnya.



SYED AFENDY ALI SYED ABID

Pada prosiding semalam, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Norzilati Izhani Zainal @ Zainol manakala perayu diwakili peguam bela, Hamidi Mohd. Noh.

Pada 20 Mac 2018, Syed Afendy Ali dijatuhi hukuman penjara lapan bulan dan denda RM80,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini selepas didapati bersalah atas lapan tuduhan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan lapan unit kondominium, kesemuanya bernilai hampir RM2 juta.

Aset tersebut masing-masing bernilai RM249,990 daripada syarikat Danau Lumayan Sdn. Bhd. adalah untuk empat individu iaitu Minah Abdullah, Mazwan Amin Mohd. Noor, Syed Ashraf Ali Syed Afendy Ali dan Rodziah Abd. Samad yang merupakan ahli keluarganya.

Utusan Malaysia | 29 November 2020 | Page: 1 & 3

Dahlah curi data, pelanggan pun 'disapu'

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamalaysia.com.my

KUALA LUMPUR: Bukan setakat curi data malah curi pelanggan di syarikat tempatnya bekerja untuk kepentingan syarikat sendiri.

Itu dilakukan seorang pegawai kanan sebuah syarikat penghantaran terkemuka yang menyalahguna kedudukannya sebagai ketua di sebuah unit di agensi itu untuk meraih keuntungan besar dan 'membunuh' syarikat tempatnya bekerja.

Mendedahkan kepada *Mingguan Malaysia*, sumber berkata, mulanya data pelanggan yang dicuri digunakan suspek berusia 47 itu tahun untuk menghantar promosi mengenai perkhidmatan penghantaran yang ditawarkan syarikat dikendalikannya.

Bersambung di muka 3

Dahlah curi data, pelanggan pun 'disapu'

Dari muka 1

"Pelanggan yang tertarik dengan tawaran syarikat milik suspek akan beralih menggunakan khidmat syarikat suspek.

"Hari ke hari perkara itu berlarutan menyebabkan syarikat penghantaran terkemuka tempat suspek bekerja hilang pelanggan dan kerugian," kata sumber itu semalam.

Lebih memburukkan lagi,

sumber memberitahu, suspek menasarkannya syarikat e-dagang besar untuk 'dipikat' supaya beralih menggunakan khidmat ditawarkan syarikatnya.

"Pelanggan e-dagang terpedaya selepas suspek meyakinkan mereka bahawa syarikatnya mempunyai rangkaian pelanggan lebih luas berbanding syarikat tempatnya bekerja," kata sumber.

Justeru, kata sumber, sejak

syarikat suspek dibuka tahun lalu ia telah mengaut keuntungan ratusan ribu ringgit hasil perbuatan khianat mengambil 'keistimewaan' dari tempatnya bekerja untuk kepentingan diri.

Sumber memberitahu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengenal pasti sama ada terdapat penglibatan individu lain di syarikat sama tempat suspek

bekerja dalam aktiviti mencuri data pelanggan.

"SPRM juga sedang menyemak hasil yang diperolehi oleh syarikat suspek hasil aktiviti yang dilakukan sebelum tindakan selanjutnya diambil," kata sumber.

Suspek kini direman lima hari bagi membantu siasatan lanjut mengikut Seksyen 16 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Utusan Malaysia | 30 November 2020 | Page: 1 & 2

● Dibantu anggota Imigresen ● Buka 10 kaunter di KLIA, KLIA2

GRO asing lolos

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
maszureen.hadzman@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Wanita warga asing terutama-nya dari China untuk dijadikan gadis pelayan pelanggan (GRO) berjaya lolos masuk di negara ini menerusi pengatur kaunter khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2.

Lebih mengejutkan, dianggarkan lima hingga 10 kaunter dibuka dalam satu-satu masa yang mana anggota Imigresen yang telah dibayar ejen akan bertugas di situ sebelum melepaskan mereka tanpa semakan dan pemeriksaan.

Kegiatan yang dilakukan sejak tiga tahun lalu itu terbongkar apabila beberapa individu yang diburu Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) yang berperanan sebagai ejen membawa wanita ini diberkas menerusi Op Selat.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia* sumber SPRM memberitahu, ejen-ejen itu akan membekalkan wanita tersebut kepada kelab-kelab malam mewah di ibu negara dengan bayaran tertentu untuk dijadikan GRO.

"Hasil penahanan dua suspek

masing-masing berusia antara 35 dan 49 tahun sebanyak 10 pasport warganegara China dirampas SPRM selain wang tunai RM60,000 hasil aktiviti itu.

"Beberapa kenderaan mewah seperti Range Rover Evoque dan Toyota Alphard disita," katanya di sini semalam.

Bersambung di muka 2

Imigresen bawa masuk GRO

Dari muka 1

Dua individu yang dipercayai berperanan sebagai ejen sindiket rasuah dalam pemalsuan cap sempadan di pintu masuk antarabangsa negara direman kelmarin.

Penahanan terbaharu ini menjadikan kesemua mereka yang ditahan adalah seramai 65 orang terdiri 39 pegawai Jabatan Imigresen, ejen (17) dan orang awam (9).

Pada 21 November lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan hasil

pembongkaran SPRM kegiatan rasuah dalam urusan cap palsu di pintu masuk negara mendapati sindiket itu melibatkan rangkaian aktiviti jenayah penyeludupan antarabangsa khusus dari China, Vietnam, Indonesia serta Bangladesh.

Akhbar ini turut melaporkan, proses mengatur di kaunter-kaunter Imigresen khususnya di dua lapangan terbang utama negara telah digerakkan oleh anggota sindiket yang terdiri daripada ejen-ejen di luar negara.

Sumber memberitahu, mana-mana pelawat yang telah disenarai hitam yang ingin masuk ke Malaysia atas aturan sindiket akan dimaklumkan nama, nombor pasport dan jadual penerbangan mereka kepada ejen-ejen di Malaysia.

Katanya, ejen-ejen itu akan berhubung dengan pegawai Imigresen di KLIA dan KLIA2 untuk mengatur (setting) kaunter yang akan membantu meloloskan pekerja asing atau pelawat asing masuk dengan mudah ke negara ini.